



**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA**

**Rabu, 1 April 2020
Untuk Siaran Segera**

**KENYATAAN MEDIA
MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA**

TAJUK: KENDERAAN PERDAGANGAN DIGALAKKAN MEMULAKAN PERGERAKAN ANTARA JAM 7 MALAM - 7 PAGI BAGI MELANCARKAN PERJALANAN DAN TIADA KEKANGAN PERGERAKAN KEPADA KENDERAAN PERDAGANGAN SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA KEDUA

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah menerima pelbagai input dan aduan dari pihak industri berhubung tempoh waktu operasi bagi kenderaan perdagangan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Kedua.

Sepertimana pengumuman Menteri Kanan (Keselamatan) YB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob pada 30 Mac baru-baru ini, kenderaan perdagangan **digalakkan** untuk memulakan pergerakan mereka antara jam 7:00 malam - 7:00 pagi seterusnya membolehkan perjalanan lebih lancar semasa tempoh PKP Fasa Kedua dikuatkuasakan mulai 1 April 2020 hingga 14 April 2020.

Kerajaan menyedari bahawa barang-barang keperluan asas termasuk makanan dan ubat-ubatan mesti dihantar ke destinasi mereka tanpa sebarang masalah. Justeru itu, demi mematuhi PKP dan kelancaran pergerakan, pemilik kenderaan perdagangan diminta merancang dan menyusun jadual perjalanan kenderaan perdagangan masing-masing dengan sebaik-baiknya.

MOT sekali lagi ingin menegaskan bahawa **PKP Fasa Kedua ini bukanlah menyekat pergerakan** mana-mana kenderaan perdagangan yang membawa muatan keperluan asas dan **tiada kekangan untuk kenderaan perdagangan bergerak pada waktu siang**. Walau bagaimanapun, mereka digalakkan untuk memulakan pergerakan antara jam 7:00 malam - 7:00 pagi bertujuan memastikan pergerakan kenderaan perdagangan lebih lancar sepanjang tempoh PKP.

Sebarang aduan / pertanyaan mengenai MOT boleh layari laman web khusus (microsite) di pautan <http://cccovid19.mot.gov.my/> atau e-mel ke aduan@mot.gov.my atau WhatsApp ke 019-2907723. Juga boleh hubungi talian Hotline MOT : 1800-88-7723 (8am-8pm) atau Pusat Pengurusan Operasi Negara, Majlis Keselamatan Negara, di talian 03-88882010.

**MENTERI PENGANGKUTAN
DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
1 APRIL 2020**

- TAMAT -